

# Sambutan HARI TABUNGAN SEDUNIA 2023

Dari kiri, Norasni, Ahmad Dasuki, Norliza dan Mohd Dusuki pada Majlis Penutup BMS 2023 dan Sambutan Hari Tabungan Sedunia di Kuala Lumpur, kelmarin.  
(Foto Aziah Azmee/BH)

## Penutup BMS 2023 terima reaksi positif



### Program signature PTPTN promosi Simpan SSPN kepada masyarakat

Oleh Tuty Haryanti  
Ahmad Rodzi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Penganjuran Jelajah Bulan Menabung Simpan (BMS) Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN) yang diadakan selama sebulan sepanjang Oktober, amat meriah.

BMS 2023 yang juga program signature Perbadanan Tabung Pendidikan Nasional (PTPTN) dan dilaksanakan sejak 2018, adalah satu usaha untuk menyebar luas manfaat Simpan SSPN kepada rakyat Malaysia bersempena dengan Hari Tabungan Sedunia yang disambut pada 31 Oktober setiap tahun.

BMS 2023 dengan tema 'Robotik: Ke arah Transformasi Dunia Pendigitalan', dilaksanakan secara on-ground event dan buat julung kalinya dilaksanakan menerusi konsep jelajah merentasi 14 negeri di lokasi terpilih seluruh Malaysia.

Selain meriah, BMS 2023 turut menerima sambutan yang amat mengalakkan dan pelbagai reaksi positif daripada orang ramai yang hadir ke lokasi jelajah sepanjang program berlangsung.

Pengerusi PTPTN, Datuk Norliza Abdul Rahim, berkata BMS 2023 adalah program signature PTPTN yang diadakan bagi mempromosikan Simpan SSPN sebagai produk simpanan terbaik kepada masyarakat.

Katanya, program itu telah diadakan sepanjang Oktober dan akan berakhir hari ini.

"Menariknya, PTPTN telah menjelajah ke seluruh negara

dan BMS 2023 turut dilancarkan di peringkat Zon Timur, Zon Selatan dan Zon Utara.

"Pada kali ini, Kuala Lumpur menjadi lokasi terakhir BMS 2023," katanya pada Majlis Penutup BMS 2023 dan Sambutan Hari Tabungan Sedunia di sebuah pusat beli-belah di sini, kelmarin.

Yang turut hadir, Ketua Eksekutif PTPTN, Ahmad Dasuki Abdul Majid serta Lembaga Pengurusan PTPTN, Datuk Mohd Dusuki Mokhtar dan Datuk Norasni Ayub.

#### Sambutan menggalakkan

Norliza berkata, BMS 2023 turut mengekalkan 'tagline' Jom Jadi Superhero Anak Anda.

"Alhamdulillah berdasarkan maklum balas saya terima, sambutan masyarakat kepada BMS 2023 sangat menggalakkan. Saya juga sempat hadir di beberapa siri jelajah dan menyaksikan sendiri sambutan yang cukup meriah daripada masyarakat setempat.

"Terima kasih kepada semua pelanggan PTPTN. Sempena BMS 2023 ini juga, PTPTN menyasarkan terima deposit Simpan SSPN berjumlah RM220 juta dan saya optimis PTPTN akan dapat mencapai sasaran

yang ditetapkan," katanya.

"Kini, ke arah menjadi peneraju tabung pendidikan tinggi negara, misi utama PTPTN ialah memperkasakan amalan penabungan bagi mengurangkan kebergantungan masyarakat kepada pinjaman.

"Usaha ini bagi memastikan anak tidak dibebani hutang apabila tamat pengajian," katanya.

Beliau berkata, pada 2004, Simpan SSPN telah diperkenalkan dan menawarkan pelbagai keistimewaan dan manfaat seperti pelepasan taksiran cukai pendapatan sehingga RM8,000 setahun, perlindungan takaful ke atas pendeposit, Geran Sepadan sehingga RM10,000 untuk satu keluarga yang layak, dividen yang kompetitif, simpanan dijamin kerajaan dan patuh syariah.

"Sehingga 30 September 2023, jumlah deposit Simpan SSPN yang diterima adalah RM15.94 bilion dengan bilangan akaun berjumlah 6.11 juta akaun," katanya.

#### Tertarik dengan manfaat

Sementara itu, kerani, Tan Soon Hoe, 48, berkata dia mula membuka akaun Simpan SSPN untuk dua anaknya pada 2012 selepas

disarankan oleh seorang rakan di tempat kerjanya.

Katanya, dia kemudian mencari maklumat mengenai Simpan SSPN dan terjumpa kaunter berkenaan simpanan itu di sebuah pusat beli-belah serta tertarik dengan keistimewaan yang ditawarkan.

"Saya tertarik dengan manfaat, terutama dalam pelepasan cukai taksiran pendapatan dan tanpa membuang masa terus membuka akaun untuk dua anak yang kini sudah berusia 13 dan 16 tahun.

"Selain mendapat pelepasan cukai, dengan Simpan SSPN masa depan pendidikan anak juga terjamin," katanya yang menetap di Cheras.

Soon Hoe berkata, dia juga sudah menyarankan ramai rakannya yang mempunyai anak supaya turut membuka akaun Simpan SSPN demi masa depan anak mereka.

Katanya, dia mendapati, ramai juga rakan, terutama di tempat kerja yang turut mengikut jejak langkahnya membuka akaun simpanan itu.

Penyunting portal, Emy Haznida Hazairul Sham, 36, berkata mula membuka akaun Simpan SSPN untuk dua anaknya yang berusia lapan dan 10 tahun pada 2019.

Katanya, dia membuka akaun berkenaan selepas kebetulan ternampak kaunter Simpan SSPN ketika menjalankan tugas.

"Saya sudah lama tahu mengenai Simpan SSPN, terutama melalui iklan di akhbar tetapi tidak berkesempatan untuk menyertai lagi ketika itu.

"Jadi apabila sudah ada peluang, saya terus membuka akaun untuk dua anak serentak dan

tidak perlu risau lagi dengan pinjaman pendidikan mereka nanti," katanya yang menetap di Shah Alam.

Ibu kepada tiga anak itu berharap ibu bapa tidak melepas peluang membuka akaun Simpan SSPN kerana banyak manfaat yang boleh diperoleh, terutama dalam pendidikan anak.

"Kos pendidikan semakin meningkat setiap tahun jadi ibu bapa tidak perlu tangguh-tangguhkan lagi untuk membuka akaun Simpan SSPN untuk anak supaya mereka dapat menyambung pelajaran dengan mudah nanti," katanya.

Suri rumah, Noor Akmal Ngah, 43, berkata dia sudah membuka akaun untuk anak sulungnya yang kini sudah berusia 17 tahun sejak 2006 lagi.

Katanya, sebagai seorang peminjam PTPTN ketika menyambung pengajian sebelum ini, dia sudah tahu mengenai Simpan SSPN dan setiap manfaat yang ditawarkan.

"Jadi, apabila sudah bekerja dan mempunyai anak, saya terus membuka akaun Simpan SSPN untuk anak kerana selain

untuk masa depan pendidikan, ia turut menawarkan pelbagai keistimewaan dan manfaat," katanya yang menetap di Serdang.

Ibu kepada empat anak itu berkata, dia memperuntukkan RM150 sebulan untuk tiga anaknya dan kini dalam proses membuka akaun bagi anak keempatnya yang berusia dua tahun.

"Saya amat tertarik dengan manfaat simpanan ditawarkan kerana selain mendapat dividen yang kompetitif, simpanan berkenaan dapat digunakan untuk pendidikan anak di masa hadapan," katanya.



Tan Soon Hoe



Emy Haznida Hazairul Sham



Pengunjung teruja ke reruai PTPTN pada Majlis Penutup BMS 2023 dan Sambutan Hari Tabungan Sedunia.